



## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN**

### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA Januari sehingga 13 April 2014**

Bagi tempoh Januari hingga 13 April 2014, sebanyak 27,562 kes dilaporkan di seluruh negara berbanding 6,990 kes bagi tempoh yang sama tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 294% atau 20,572 kes. Pada Minggu ke-15 iaitu minggu lepas sebanyak 1,313 kes dengan 1 kematian telah dilaporkan. Pada tahun ini, jumlah kematian yang dilaporkan adalah sebanyak 64 kematian berbanding dengan 14 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2013, meningkat sebanyak 50 kematian (357%).

Bagi tempoh sama, sejumlah 244 lokaliti wabak denggi dilaporkan diseluruh Negara melibatkan 12 negeri iaitu 150 lokaliti di Selangor, 34 lokaliti di Kelantan, 13 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 13 lokaliti di Johor, 11 lokaliti di Negeri Sembilan, 9 lokaliti di Perak. Manakala Pulau Pinang, Sabah, Pahang, Terengganu, Sarawak dan Melaka melaporkan kurang dari 5 lokaliti. Daripada jumlah itu, terdapat 41 lokaliti hotspot dilaporkan di seluruh negara iaitu di negeri Selangor (38 lokaliti), Negeri Sembilan (2 lokaliti) dan Pulau Pinang melaporkan satu hotspot.

Pada minggu ini, Kementerian Kesihatan telah mengadakan pelbagai aktiviti pencegahan denggi antaranya ialah “Ops Gempur Khas di Tapak Binaan” pada 8 April 2014 secara serentak diseluruh negara bagi memastikan tiada pembiakan Aedes yang menjadi punca penyebaran wabak denggi dari kawasan tapak binaan ini. Hasil aktiviti yang dilaksanakan ini,

sebanyak 730 tapak binaan telah diperiksa dan 136 kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah nilai RM60,000. Sebanyak 41 tapak binaan telah dikenakan perintah penutupan sementara untuk tujuan pembersihan premis. Manakala bagi negeri Selangor sahaja, 14 tapak binaan telah diperiksa dan kesemuanya didapati mempunyai pembiakan Aedes dan telah diarahkan tutup mengikut Arahan Penutupan di bawah Seksyen 8(3)(aa), APSP 1975. Tapak binaan yang ditutup terdiri daripada bangunan swasta, komersil dan apartment.

Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan juga menyeru supaya kesedaran dan kerjasama penduduk setempat, syarikat-syarikat swasta dan NGO serta institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam dapat dipertingkatkan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi melalui penubuhan program COMBI bagi membantu pihak kerajaan dalam memastikan wabak denggi dapat dikawal dengan lebih berkesan.

Walaupun tren kes denggi telah menurun, namun semua individu, masyarakat dan agensi lain perlu terus mengadakan aktiviti membersihkan kawasan masing-masing setiap minggu. Pastikan tiada tempat-tempat untuk Aedes membiak dipersekitaran kita. Sekiranya kita alpa atau tidak melakukan aktiviti ini, kemungkinan kes, wabak dan kematian denggi boleh meningkat semula.

**YBHG. DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**19 April 2014**

## SITUASI DENGGI DI MALAYSIA DARI JANUARI SEHINGGA 13 APRIL 2014

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Terkumpul Jan. sehingga 13 April 2014		Jumlah Kes Terkumpul untuk tempoh sama bagi 2013	
		KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
1	Perlis	58	0	46	0
2	Kedah	207	2	215	1
3	Penang	602	3	210	0
4	Perak	1,914	5	595	0
5	Selangor	15,535	26	3,023	1
6	WPKL & Putrajaya	2,409	4	526	3
7	N Sembilan	1,414	2	134	0
8	Melaka	879	3	143	0
9	Johor	1,662	12	655	6
10	Pahang	354	0	173	0
11	Terengganu	260	1	59	0
12	Kelantan	1,542	4	407	0
13	Sarawak	346	2	563	2
14	Sabah	370	0	241	1
15	WP Labuan	10	0	0	0
	<b>Malaysia</b>	<b>27,562</b>	<b>64</b>	<b>6,990</b>	<b>14</b>